



Penanaman Buah Tin

Landskap dan Harapan Baharu Pertanian Negara

Dalam dunia perniagaan, istilah *zero to hero* sering kali menjadi naratif inspirasi kejayaan, tetapi hanya segelintir yang benar-benar menempuh jalan penuh duri untuk mencapainya. Bagi Mohamad Hafidz Arifin, Ketua Pegawai Eksekutif Benefigs Arus Sdn. Bhd., kisah kejayaan beliau bukan sekadar cerita tentang keberanian meninggalkan zon selesa, tetapi juga perjuangan yang membawa dimensi baharu dalam sektor agromakanan negara.

Dengan latar belakang sebagai Pengurus Pembangunan Kebolehpayaan di Petroliaim Nasional Berhad (PETRONAS), Hafidz mengorak langkah meninggalkan kerjaya korporat yang mapan untuk terjun ke dunia pertanian. Pada hari ini, beliau dikenali sebagai peneraju terbesar pengeluaran buah tin segar di Malaysia dengan mengemudi lima buah ladang strategik yang membekalkan produk berkualiti tinggi kepada pasaran domestik negara.

Dari Menara Kembar PETRONAS ke Ladang Buah Tin

Perjalanan Hafidz bermula daripada satu soalan asas, "Bagaimanakah saya boleh mencipta nilai yang lebih bermakna kepada

“Pertanian bukan sekadar cangkul dan tanah. Pertanian ialah industri masa depan, lengkap dengan teknologi, inovasi dan peluang besar untuk mereka yang sanggup bekerja keras.”
- Mohamad Hafidz Arifin

masyarakat?” Selepas lebih dari satu dekad membina kerjaya di PETRONAS termasuklah pernah bertugas di lokasi antarabangsa seperti Turkmenistan, Emiriah Arab Bersatu dan Iraq, beliau merasakan potensi dirinya belum sepenuhnya dimanfaatkan.

Pada tahun 2018, Hafidz mula meneroka idea pertanian komersial dengan fokus kepada buah tin, tanaman yang unik tetapi mempunyai nilai ekonomi yang tinggi. Dari situ, Benefigs lahir sebagai suatu usaha yang bukan sahaja memacu pengeluaran tetapi turut menjadi contoh kepada usahawan muda untuk berani mencuba sesuatu yang baharu.




Keunikan buah tin yang mempunyai nilai tinggi dalam pasaran.



Mohamad Hafidz Arifin kini dikenali sebagai usahawan buah tin.



Pokok buah tin mengeluarkan buah sepanjang tahun.



Bahagian dalam buah tin yang boleh digunakan untuk pelbagai kegunaan.

Cabaran Awal

Perjalanan awal Hafidz tidak semudah yang dijangka. Beliau menghadapi cabaran modal, kekurangan pengetahuan teknikal tentang penanaman buah tin, serta sikap skeptikal masyarakat terhadap potensi tanaman ini.

Namun begitu, dengan prinsip "hidup ialah perjuangan" dan komitmen kepada pembangunan sistem operasi yang mantap, Hafidz berjaya mencipta prosedur operasi standard Benefigs yang kini menjadi rujukan dalam industri. Langkah ini termasuklah pengenalan Sistem

Operasi Benefigs (BOS) yang mempermudah operasi ladang serta meningkatkan produktiviti.

Ujar Hafidz, "Kami bermula dengan sekadar 400 pokok, tetapi kini kami memiliki lebih daripada 3,200 pokok di seluruh negara. Setiap cabaran ialah pelajaran dan setiap pelajaran membawa kami lebih dekat kepada matlamat."

Kejayaan dan Cita-cita

Pada hari ini, Benefigs bukan hanya menjadi pengeluar buah tin segar terbesar di Malaysia, tetapi juga peneraju dalam inovasi produk hiliran. Produk utama seperti teh daun tin, jus tin, sambal tin dan buah tin kering menjadi pilihan ramai. Ladang di Janda Baik, Banting, Pasir Puteh dan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) Sungai Tengi Selatan semakin dikunjungi oleh pelancong dari dalam dan luar negara sebagai destinasi agropelancongan yang semakin popular.

Bagi Hafidz, matlamat untuk menjadikan Benefigs sebagai jenama global menjelang tahun 2026 ialah suatu yang pasti. "Buah tin ialah simbol ekonomi hijau dan kaya dengan



Buah tin juga dijadikan sebagai teh.

Jelas Hafidz, "Pertanian bukan sekadar cangkul dan tanah. Pertanian ialah industri masa depan, lengkap dengan teknologi, inovasi dan peluang besar untuk mereka yang sanggup bekerja keras."



Satu daripada kaedah pembungkusan buah tin ke pasaran.

manfaat kesihatan, mempunyai nilai pasaran yang tinggi serta yang paling penting, mampu mengubah landskap pertanian negara.”

Potensi Pasaran Buah Tin Global

Pasaran eksport dunia bagi buah tin menunjukkan angka yang signifikan dengan pengeluaran global mencapai satu juta tan setahun bernilai USD1 bilion. Turkiye merupakan pengeksport terbesar, menyumbang 51% daripada jumlah eksport dunia, diikuti oleh India yang merupakan pengimport terbesar dengan 30%, selepas Jerman. Walaupun Malaysia mengimport sekitar 600 tan buah tin setiap tahun dengan kebanyakan dalam bentuk tin kering dan ekstrak yang bernilai RM15 juta, namun masih belum mampu memenuhi permintaan domestik.

Bagi Hafidz, Malaysia mempunyai peluang yang besar untuk menjadi pengeluar utama buah tin, terutamanya dengan kelebihan tanaman ini yang mengeluarkan buah sepanjang tahun dan memerlukan hanya empat bulan selepas ditanam untuk menghasilkan buah. Buah tin juga mempunyai lebih daripada 1,000 varieti yang menawarkan harga premium, kaya dengan khasiat dan sejarah yang mendalam dalam tamadun manusia. Dengan permintaan global yang tinggi dan potensi besar dalam pasaran tempatan, Malaysia harus melihat buah tin sebagai tanaman yang memiliki nilai tinggi.

Menurut Hafidz, “Untuk mencapai matlamat ini, kami perlu terus mengembangkan pengeluaran. Sebagai contoh, Benefigs hanya mampu mengeluarkan sekitar 12 hingga 15 tan buah tin setahun, jauh daripada jumlah yang



Benefigs

HULU SELANGOR



Kakitangan Benefigs bergambar di satu daripada ladang milik syarikat.

diperlukan untuk memenuhi keperluan keselamatan makanan negara. Banyak lagi ruang yang perlu diisi.” Beliau mengembangkan Benefigs dengan wang simpanan sendiri, serta pinjaman daripada keluarga dan rakan, membuktikan komitmen beliau terhadap kejayaan jangka panjang.

Harapan kepada Usahawan dan Pihak Berkepentingan

Sebagai ahli Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM), Hafidz berpendapat kejayaan dalam sektor agromakanan memerlukan kerjasama yang erat antara usahawan dengan kerajaan dan agensi berkaitan dengannya. Beliau berharap lebih banyak sokongan dalam bentuk latihan, pembiayaan dan insentif diberikan kepada usahawan baharu dalam sektor ini.

Jelas Hafidz dengan penuh keyakinan, “Kita memerlukan lebih banyak pusat penyelidikan dan teknologi tempatan untuk mempercepat inovasi dalam sektor agromakanan. Kerajaan dan agensi perlu melihat agromakanan bukan hanya sebagai alternatif, tetapi sebagai keutamaan dalam pelan pembangunan ekonomi negara.” 